

# **PENERAPAN NILAI MURNI DALAM MENGATASI MASALAH DISIPLIN DI INSTITUSI PENDIDIKAN BERASASKAN KEMAHIRAN**

<sup>1</sup>Nor Aishah Abdul Aziz, <sup>2</sup>Mohd Zolkifli Abd Hamid,

<sup>1,2</sup>Universiti Teknologi Malaysia

<sup>1</sup>[aishah.abdulaziz94@gmail.com](mailto:aishah.abdulaziz94@gmail.com)

<sup>2</sup>[mohdzol@utm.my](mailto:mohdzol@utm.my)

## **1. PENGENALAN**

Menurut Hashim et al (2008) keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja pada hari ini akan memberikan kesan dan impak yang begitu besar dalam masyarakat. Remaja merupakan aset utama negara pada masa akan datang serta memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan negara. Kesan jangka panjang dan jangka pendek pasti akan berlaku seandainya remaja pada hari ini tidak tahu bagaimana untuk membentuk dan memuliakan akhlak mereka.

Akhlak merupakan peribadi dan cermin diri bagi seseorang individu. Kiranya individu itu mempunyai akhlak yang buruk, maka secara automatiknya peribadi individu itu juga akan menjadi buruk. Remaja yang mempunyai akhlak yang buruk boleh memberi kesan kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Keruntuhan akhlak berlarutan hingga menyebabkan berlakunya banyak masalah disiplin di pusat-pusat pengajian tinggi seperti ponteng kuliah, tidak menyiapkan tugas yang diberi, sambil lewa dalam pembelajaran, berhibur sehingga mengabaikan tanggung jawab mereka terhadap pelajaran .

### **1.2 DILEMA MASALAH DISIPLIN DI IPT**

Zainuddin, Zuria dan Salleh (2008) menyatakan ,kehidupan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan kolej memberikan peluang kepada pelajar untuk menjadi individu yang berdikari. Pelajar-pelajar kolej atau mahasiswa universiti yang berada dalam posisi awal dewasa ini mendapat kebebasan bertindak dan perlu bertanggung jawab dalam banyak aspek kehidupan. Antara tanggung jawab ini termasuklah membuat keputusan kerjaya, memilih rakan, membina hubungan intim dengan berlainan jantina, menjaga keselamatan dan kesihatan diri, mengurus masa dan kewangan, serta melakukan inisiatif-inisiatif yang menentukan kejayaan masa depan mereka.

Menurut Zainuddin, Zuria dan Salleh (2008) lagi, kebebasan yang mereka perolehi telah disalah gunakan. Kesibukan melayan pasangan berlainan jantina dan juga perasaan sendiri menyebabkan mereka membuang masa, leka dan tidak menjalankan tanggungjawab sebagai pelajar seperti menumpu perhatian semasa belajar, mengambil bahagian dalam kelas, menyiapkan tugas, bersedia untuk peperiksaan mahupun berinteraksi dengan pensyarah. Seterusnya menurut Zainal & Mohd. Sharani (2004), selain daripada itu, cinta yang tidak terurus mengakibatkan kebanyakan pelajar mengalami kegagalan dalam pelajaran. Apabila percintaan putus di tengah jalan, mereka akan mengalami gangguan emosi yang hebat sehingga berlaku kemurungan dan merosot pelajaran

Seterusnya Zainuddin, Zuria dan Salleh (2008) menyatakan, media tempatan juga sering melaporkan masalah yang ditimbulkan oleh pelajar-pelajar IPT (Berita Harian 18 Ogos 2003; Utusan Malaysia 3 Jun 2002; Utusan Malaysia 18 Januari 2003). Laporan media mengenai peningkatan masalah sosial pelajar IPT seperti kes khalwat sedikit sebanyak telah memberi gambaran buruk kepada institusi berkenaan. Berita Harian (18 Ogos 2003) telah melaporkan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah menangkap pelajar-pelajar IPT seramai 341 orang sepanjang 2002 dan 178 orang sepanjang 2003 kerana kesalahan perbuatan tidak bermoral. Kesalahan-kesalahan ini termasuklah berkhalwat dan berkelakuan tidak sopan di tempat awam. Menurut penulis lagi, pelajar-pelajar yang terlibat ialah dari beberapa institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Masalah sosial pelajar IPT yang berkaitan dengan khalwat dan perlakuan tidak sopan di tempat awam merupakan masalah yang dihadapi oleh semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) seluruh negara.

### **1.3 AKTA MENANGANI SALAH-LAKU PELAJAR**

Menurut Melati dan Zaharah (2006), setiap Institusi Pengajian Tinggi dipercayai mempunyai definisi tersendiri mengenai masalah disiplin atau salah laku. Beberapa tingkahlaku tertentu turut dimuatkan dalam AUKU seperti dalam:

*Kaedah 15: Judi dalam kampus, kaedah 16: mabuk, kaedah 17: bahan-bahan lucuh, dan kaedah 18: dadah dan racun)*

Tambahnya lagi, secara umumnya, salah laku (seperti yang dikategorikan oleh *Western Michigan University Code of Honour*) boleh dibahagikan kepada dua jenis:-

- (i) salah laku akademik (*academic misconduct*), yang bermaksud pelanggaran peraturan yang membabitkan integriti, polisi, dan prosedur akademik.
- (ii) salah laku bukan akademik, ialah pelanggaran peraturan yang boleh mengancam kesihatan, keselamatan, dan harta warga universiti.

Sesetengah perlakuan adalah salah di dalam kawasan universiti tetapi tidak salah jika dilakukan di luar kampus. Contohnya, kebanyakan IPTA telah mewartakan bahawa kampus adalah kawasan larangan merokok. Perbuatan tersebut walau bagaimanapun tidak salah dilakukan di luar kampus. Sesetengah perlakuan pula berada di luar bidang kuasa kolej/universiti untuk mengambil tindakan seperti kes pelajar terlibat dalam kegiatan haram. Hanya pihak

berkuasa yang boleh menahan pelajar terbabit dan bidang kuasa kolej/universiti kebiasaannya terhad kepada mengenakan tindakan tata tertib.

Terdapat pula salah laku yang mungkin sukar ditentukan oleh Akta tentang salah dan betulnya tetapi agama dan norma masyarakat telah menentukan salah atau betulnya sesuatu perbuatan tersebut. Contohnya, mahasiswa mengunjungi kelab-kelab malam dan berpelesenan mungkin diterima oleh sesetengah golongan tetapi ajaran agama dan majoriti masyarakat menganggapnya sebagai bertentangan dengan nilai-nilai akhlak dan norma sosial yang boleh mengundang kepada gejala yang lebih tidak sihat, seterusnya meruntuhkan akhlak pelajar terbabit.

Walau apa sekali Akta yang diguna pakai di kolej dan juga universiti, apa yang penting adalah perlaksanaan untuk mendidik pelajar ke arah kebaikan yang perlu diberi perhatian serius oleh para pendidik. Aspek ini sangat penting dalam menentukan hala tuju sebenar hidup pelajar khususnya, serta masyarakat dan Negara amnya, seterusnya dapat melahirkan warga Negara yang bertanggung jawab dalam setiap apa yang mereka lakukan .

#### **1.4 SENARAI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI BERASASKAN KEMAHIRAN**

Malaysia yang sedang menuju ke arah negara maju menjelang tahun 2020 tidak dapat mengelak daripada memberikan tumpuan kepada aspek-aspek membekalkan kemahiran fizikal kepada warga negaranya. Antara usaha dinamik yang dilakukan adalah mengadakan pusat-pusat dan institusi-institusi berasaskan kemahiran bagi tujuan mendapatkan kemahiran yang lebih sistematik dalam bentuk pendidikan formal. Sehubungan dengan itu, maka wujudlah beberapa institusi yang berkaitan bagi menampung keperluan Negara ini. Antara institusi kemahiran yang terkenal adalah:

1. Pusat Giat MARA
2. Pusat Institut Latihan Perindustrian (ILP)
3. Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN)
4. Institut Kemahiran MARA (IKM)
5. Kolej Komuniti

Institusi pendidikan berasaskan kemahiran di atas kebanyakannya menawarkan kursus-kursus berbentuk “hands-on” untuk membekalkan kemahiran terutamanya kepada remaja yang tidak dapat melanjutkan pengajian ke IPTA samada di peringkat sijil mahu pun diploma. Walau bagaimana pun, peranan institusi berkenaan haruslah juga selaras dengan matlamat pendidikan Negara iaitu untuk melahirkan warga Negara yang seimbang daripada segi pembangunan jasmani, emosi, ruh, intelek dan social (JERIS). Para pelajar seharusnya dididik bukan sahaja daripada segi kemahiran fizikal bahkan mestilah stabil emosi dan rohaninya. Mereka boleh bekerja dalam bidang kemahiran tetapi dalam masa yang sama mengamalkan sifat-sifat terpuji seperti jujur, amanah, rajin, sopan-santun, bersyukur serta menghormati orang lain.

Walaupun bagaimanapun, amat besar cabarannya dalam mendidik para remaja yang baru melepasi alam persekolahan. Sikap negatif di sekolah masih terbawa-bawa hingga ke peringkat pengajian yang lebih tinggi.

## 1.5 KAJIAN KES MASALAH DISIPLIN DI IPT

Sejauh mana pun kita mengejar kemajuan, permasalahan disiplin remaja dan penyelesaiannya tetap menjadi isu-isu yang perlu ditangani oleh pihak-pihak yang terbabit khususnya dalam bidang pendidikan. Berikut adalah beberapa kes yang dikenal pasti melalui kajian-kajian yang dilakukan oleh penyelidik untuk menghayati masalah disiplin pelajar di institusi-institusi pendidikan berasaskan kemahiran.

### 1.3.1 Kajian berkenaan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Masalah Ponteng Kelas Dalam Kalangan Pelajar Di Kolej Kemahiran Belia Nasional, Pontian oleh Yahya Buntat dan Norainiza Saini, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Dalam kajian 1.3.1, keputusan menunjukkan bahawa sikap pelajar merupakan faktor utama dalam mempengaruhi masalah ponteng iaitu sebanyak 76.8%, Ini menunjukkan bahawa terdapat sikap negatif yang ada pada diri pelatih tersebut telah mendorong mereka untuk melakukan ponteng. Punca pelajar ini sering lewat ke kelas kerana sikap mereka yang tidak pandai menguruskan masa. Mereka sering lewat bangun pagi dan mengambil masa untuk menyiapkan diri untuk pergi ke kelas. Oleh yang demikian mereka gagal untuk menghadirkan diri pada waktu pertama sesi pembelajaran. Sikap ini adalah tidak wajar bagi pelajar yang menjalankan latihan di pusat kemahiran ini kerana mereka tidak menitik beratkan disiplin dalam diri mereka.

Secara keseluruhannya aspek rakan sebaya turut mempengaruhi pelajar untuk melakukan peratus yang paling tinggi iaitu sebanyak 89.2% di mana pelajar tidak akan hadir ke kelas kerana sering dibuli oleh pelajar yang lain. Tenaga pengajar yang tidak kreatif dan tanpa bantuan penggunaan bahan yang menarik mengakibatkan pelajar kurang menumpukan perhatian dan sekaligus mengelak untuk menghadiri kelas tersebut. Melalui kajian ini juga, pengkaji mendapati bahawa responden tidak membuat persediaan awal sebelum kelas berlangsung sehingga mereka tidak tahu apa yang perlu dilakukan semasa berada di kelas ataupun di bengkel. Jika mereka tidak dapat menyiapkan tugas yang terdahulu mereka mengambil langkah mudah dengan tidak menghadirkan diri ke kelas tersebut.

Pelajar-pelajar di pusat kemahiran ini juga melakukan ponteng apabila dipengaruhi oleh rakan sebaya. Hasil dapatan kajian menunjukkan purata peratus keseluruhan adalah sebanyak 74.3%. Didapati bahawa terdapat rakan yang selalu mempengaruhi pelajar untuk tidak menghadirkan diri ke dalam kelas dengan alasan ianya tidak menyeronokkan.

### 1.3.2 Kajian Punca, Risiko Merokok dan Sumbangan Merokok Terhadap Penagihan Bahan: Satu Kajian Di Pusat Giat MARA, Bukit Payong, Marang, oleh Roslee Ahmad dan Mohamed Sharif Mustafa, Universiti Teknologi Malaysia.

Kajian telah dijalankan ke atas 73 orang responden. Pengkaji menganalisis data dengan menggunakan kaedah deskriptif iaitu peratusan. Dapatan turut menunjukkan 53.43% responden menyatakan punca merokok disebabkan oleh hubungan sosial, 60.54% responden tidak bersetuju punca merokok disebabkan oleh faktor persekitaran sementara 66.33% responden bersetuju risiko kebergantungan mempengaruhi seseorang untuk merokok, 64.96% responden bersetuju

risiko kesihatan mempengaruhi seseorang untuk merokok dan 67.34% responden tidak bersetuju merokok menyumbang terhadap penagihan bahan.

1.3.3 Kajian rintis melalui temu bual ke atas dua orang tenaga pengajar di Institut Kemahiran MARA, Johor Bahru oleh Nor Aishah Abdul Aziz, Universiti Teknologi Malaysia.

Pengajar 1:

Beliau mengatakan terdapat banyak contengan di tangga-tangga bangunan, tandas sehingga terpaksa dicat semula. Walaupun telah beberapa kali diberi amaran tetapi insiden tersebut masih berlaku. Terdapat juga satu kes penyeludupan dadah ke kolej. Pihak kolej berjaya menangkap pelajar terbabit. Ibubapa pelajar dipanggil dan mereka merayu supaya anak mereka tidak dibuang kolej. Walau bagaimanapun, kolej tetap bertindak tegas membuang pelajar tersebut sebagai pengajaran dan peringatan kepada pelajar-pelajar lain. Hampir 50 peratus pelajar mempunyai masalah kedatangan kelas yang lambat membuatkan pengajar sering terpaksa memarahi pelajar.

Pengajar 2:

Beliau mengatakan masalah menghisap rokok telah menjadi amalan biasa di kolej, di belakang tandas, belakang bilik kuliah, di luar pagar kolej dan seumpamanya. Beliau menasihati pelajar mengikut pengalaman peribadi sahaja tanpa sebarang panduan yang jelas namun ianya kurang berkesan. Berkenaan dengan nilai murni pula, beliau kurang jelas dengan isi kandungannya kerana tiada kursus tertentu berkenaan perkara tersebut. Beliau juga tidak tahu secara spesifik tentang elemen nilai murni serta tidak pernah mendengar berkenaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Beliau amat mengharapkan agar kursus-kursus tertentu dilaksanakan sebagai garis panduan menangani masalah pelajar.


Berdasarkan kepada sesi-sesi temubual yang telah dijalankan oleh penyelidik ke atas responden dalam kajian rintis, jelas sekali krisis nilai sememangnya wujud dalam kalangan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus kemahiran. Kedua-dua responden menyatakan kesukaran mereka untuk mengatasi masalah disiplin pelajar tersebut. Semua responden menyatakan mereka perlu kepada satu kaedah yang berkesan untuk mengubah tingkah-laku pelajar agar lebih bertanggung jawab dan berdisiplin ketika menjalani kursus. Responden juga tidak mengetahui apa maknanya nilai murni dalam pengajaran.

Melalui ketiga-tiga kes yang diutarakan, jelas bahawa memang terdapat masalah disiplin yang agak serius di peringkat pengajian tinggi atau lepasan sekolah. Para pendidik menghadapi zaman yang serba mencabar untuk menangani pelbagai jenis masalah remaja yang juga pelbagai ragam.

## 1.6 MODEL PENERAPAN NILAI MURNI

Model-model serta pendekatan penerapan nilai di Malaysia telah dibangunkan serta disebar luas agar para pendidik mempunyai pelbagai pilihan yang bersesuaian dengan suasana proses Pengajaran dan Pembelajaran.

### 1.6.1 Model Edaran Semula-Konsep Pendidikan Bersepadu




Rajah 1 Model Edaran Semula – Konsep Pendidikan Bersepadu (Sumber: Tajul Ariffin, 1988)

Antara model lain yang juga menekankan aspek pendidikan bersepadu adalah Model Edaran Semula oleh Tajul Ariffin (1988). Model tersebut adalah Model Edaran Semula – Konsep Pendidikan Bersepadu oleh Tajul Ariffin (1988) berasaskan keimanan kepada Allah SWT (Rajah 2). Model ini menjadikan pembinaan insan mulia melalui keimanan kepada Allah SWT sebagai teras pembentukan individu berakhlak mulia sehingga terhasilnya masyarakat yang cemerlang melalui pendidikan holistik.

Ketiga-tiga aspek tersebut iaitu pembinaan diri, kesyukuran kepada Allah dan pembinaan tamadun ummah yang gemilang perlulah dihayati serta dijadikan satu proses yang berterusan dalam system pendidikan Negara. Selanjutnya, aspek tersebut juga menjadi bahan untuk diterapkan oleh pendidik ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran samada di peringkat pendidikan awal sehinggalah ke pendidikan tinggi.

### 1.6.2 Model Kurikulum paradigm Bersepadu




1. Ke arah pembinaan kekuatan dalaman
2. Perlaksanaan pendidikan akhlak
3. Usaha membudayakan ilmu wahyu
4. Amalan tingkahlaku mengikut fitrah insan
5. Peningkatan dan pementapan aqidah
6. Usaha pembangunan insan

Rajah 2: Kurikulum mengikut paradigma bersepadu termasuk unsur spiritual- kesepaduan ilmu agama (teras) dengan ilmu sains kemanusiaan dan sains tabii (Sumber: Tajul Ariffin dan Noraini, 2002)

Rajah 2 menunjukkan Model Rekabentuk Kurikulum Paradigma Pendidikan Bersepadu yang menekankan gabungan nilai spiritual dan pembentukan akhlak mulia. Manusia sebagai elemen sasaran pendidikan perlu dididik dengan kepatuhan kepada Tuhan, menggunakan ilmu untuk menyebarkan kebenaran, menghiasi diri dengan akhlak mulia agar boleh membentuk masyarakat yang bertamadun mengikut kehendak Allah SWT.

### 1.6.3 Model Konseptual Pendidikan Guru DPM-Kementerian Pelajaran



Rajah 3: Model Pendidikan Guru UTM (Sumber: Abu Bakar, *et al*, 2001).

Rajah 3 pula menunjukkan Model Konseptual Pendidikan Guru DPM-Kementerian Pendidikan Malaysia yang menekankan dimensi Ketuhanan dalam pendidikan guru adalah usaha membentuk guru dengan akhlak dan budi pekerti mulia, sentiasa mencari ilmu, menghayati tanggungjawab dan akauntabiliti guru. Guru-guru yang ingin dilahirkan adalah mereka yang memiliki dan menguasai aspek rohani dan jasmani yang seimbang serta mampu memikul tanggungjawab untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif serta memiliki akhlak mulia bertunjangkan keteguhan aqidah kepada Allah SWT.

## 1.7 KESIMPULAN

Matlamat akhir pendidikan adalah membina insan. Ini bermaksud pendidik haruslah memainkan peranan menerapkan nilai murni berasaskan akhlak mulia kepada pelajar untuk mencapai matlamat tersebut. Para ilmuan barat juga mengakui kepentingan nilai dalam pendidikan dan kehidupan. Cuma cara pendekatan mereka adalah berbeza berbanding dengan pendekatan pendidikan Malaysia. Ini kerana pendidikan di Malaysia menekankan Falsafah Pendidikan berasaskan kepada kepercayaan dan keyakinan kepada Tuhan dan pembangunan insan secara seimbang. Falsafah tersebut perlu difahami dan dipraktikkan oleh seluruh pendidik supaya pendidikan di Malaysia berjaya menjadi alat perubahan kepada masyarakat yang lebih sejahtera kepada dunia secara global.

## 1.8 RUJUKAN

- Abu Bakar Hashim, Mohd Tajudin Ninggal, Hazil Abd Hamid, Esah Sulaiman, Yusof Boon 2001. Konsep dan Model Pendidikan Guru dalam Horizon Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia: Skudai: 13-16
- Artikel 1998. Kajian Sistem Pendidikan Kebangsaan (MTT 2353). Tinjauan Mengenai Cabaran-cabaran Pendidikan Vokasional Di Malaysia. diambil dari <http://sarjana.tripod.com/vokasional1.html>
- Hashim bin Haji Bedu, Khairulhelmi bin Katip, Mohd Fahmi bin Mohd Sahid, Syed Mohamed Syafeq Syed Mansor 2008. Keruntuhan Akhlak dan Gejala Sosial Dalam Keluarga; Isu dan Cabaran, Seminar Kaunseling Keluarga: 51-62 diambil dari <http://www.scribd.com/doc/43830310/Seminar-Kaunseling-Keluarga-2008-51>
- Melati Sumari dan Zaharah Hussin 2006. Cabaran IPT Dalam Menangani Salah Laku dan Kepincangan Akhlak Mahasiswa: Tinjauan dan Cadangan. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Di NASDEC 2006 Conference Western Michigan University, USA diambil dari [http://r.search.yahoo.com/\\_ylt=A2oKmJGSPU9U43cAllzjPwx.;\\_ylu=X3oDMTE0Nm1uNDRjBHNIYwNzcgRwb3MDMQRjb2xvA3NnMwR2dGlkA01TWU1ZQzFfMQ--/RV=2/RE=1414508050/RO=10/RU=http%3a%2f%2fprints.utm.my%2f510%2f1%2fMelatiSumari2006\\_Cabaraniptdalammenanganisalah.PDF/RK=0/RS=Im.5EawVKsmxwDGOXwRNY0RQ1Qw-](http://r.search.yahoo.com/_ylt=A2oKmJGSPU9U43cAllzjPwx.;_ylu=X3oDMTE0Nm1uNDRjBHNIYwNzcgRwb3MDMQRjb2xvA3NnMwR2dGlkA01TWU1ZQzFfMQ--/RV=2/RE=1414508050/RO=10/RU=http%3a%2f%2fprints.utm.my%2f510%2f1%2fMelatiSumari2006_Cabaraniptdalammenanganisalah.PDF/RK=0/RS=Im.5EawVKsmxwDGOXwRNY0RQ1Qw-)
- Mohd Kamal Hassan 1988. Pendidikan Dan Pembangunan- Satu Perspektif Bersepadu. Nurin Enterprise: Kuala Lumpur
- Tajul Ariffin Noordin 1988. Konsep Asas Pendidikan Sepadu. Nurin Enterprise: Kuala Lumpur .



- Tajul Ariffin Noordin dan Nor Aini Dan 2002. Paradigma Pendidikan Bersepadu Perkembangan Dua Dekad: 1-6. Prosiding Pendidikan dan Pembangunan Manusia. Universiti Kebangsaan Malaysia:Bangi
- Yahya B. Buntat & Norainiza Bt Saini. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Masalah Ponteng Kelas Di Kalangan Pelajar Di Kolej Kemahiran Belia Nasional, Pontian Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia diambil dari [https://malaysia.search.yahoo.com/search;\\_ylt=Ag4ZwTp6xKreyp0lgDgcSDpUqcB\\_?p=Faktor-Faktor+Yang+Mempengaruhi+Masalah+Ponteng+Kelas+Di+Kalangan+Pelajar+Di+Kolej+Kemahiran+Belia+Nasional%2C+Pontian+Yahya+B.+Buntat+%26+Norainiza+Bt+Saini&toggl=1&cop=mss&ei=UTF-8&fr=yfp-t-401&fp=1](https://malaysia.search.yahoo.com/search;_ylt=Ag4ZwTp6xKreyp0lgDgcSDpUqcB_?p=Faktor-Faktor+Yang+Mempengaruhi+Masalah+Ponteng+Kelas+Di+Kalangan+Pelajar+Di+Kolej+Kemahiran+Belia+Nasional%2C+Pontian+Yahya+B.+Buntat+%26+Norainiza+Bt+Saini&toggl=1&cop=mss&ei=UTF-8&fr=yfp-t-401&fp=1)
- Roslee Ahmad dan Mohamed Sharif Mustaffa. Punca, Risiko dan Sumbangan Tabiat Merokok Terhadap Penagihan Bahan: Kajian Pusat Giat MARA.Universiti Teknologi Malaysia. diambil dari [https://www.academia.edu/login?cp=/attachments/2694043/download\\_file&cs=www](https://www.academia.edu/login?cp=/attachments/2694043/download_file&cs=www)
- Zahid Daim dan Shahnazim Shahr Sistem Pendidikan Kebangsaan (MTT2353) - Peranan Dan Implikasi Institut pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Kepada Perkembangan Pendidikan Negara. diambil dari <http://sarjana.tripod.com/ipts3.html>
- Zainal Madon & Mohd Sharani Ahmad. 2004. Panduan Mengurus Remaja Moden. PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.: Batu Caves
- Zainuddin Abu, Zuria Mahmud dan Salleh Amat 2008. Pendekatan Kaunseling Menangani Masalah Kebebasan Dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi: Dua Kajian Kes. Jurnal Pendidikan Malaysia: 107-123. diambil dari <http://journalarticle.ukm.my/206/>